

31/12/2003

MTRK buat promosi awal

Manzaidi Mohd Amin

MAJLIS Tindakan Rakyat Kelantan (MTRK) akan mengadakan promosi awal bagi menarik penyertaan peserta luar negara menyertai Larian Antarabangsa Jambatan Sultan Ismail Petra, di Pasir Mas, pada 15 April ini.

Promosi larian turut diadakan Phuket dan beberapa wilayah di Selatan Thailand bagi menarik penyertaan peserta negara jiran bagi memeriahkan acara larian berkenaan.

Presidennya, Datuk Ibrahim Ali, berkata promosi bermula kelmarin diharap mencapai sasaran penyertaan kira-kira 3,000 peserta luar negara dan 10,000 rakyat tempatan.

Beliau berkata, larian sejauh kira-kira 17 kilometer bermula di Jambatan Sultan Ismail Petra, Tendong, Pasir Mas dan berakhir di Istana Negeri, Kubang Kerian, di Kota Bharu.

"Kami harap dapat menarik kira-kira 3,000 peserta luar negara selain penyertaan rakyat tempatan termasuk pelajar, kakitangan kerajaan dan swasta di negeri ini.

"Selain mempromosi larian itu di negara jiran, jawatankuasa penganjur juga memperkenalkan laman web mengenai larian itu dan jumlah hadiah ditawarkan.

"Borang penyertaan juga disediakan menerusi laman web itu bagi memudahkan peserta yang berminat menyertainya membuat permohonan," katanya kelmarin.

Ibrahim berkata, larian itu adalah program tiga dalam satu yang disusun MTRK bagi memeriahkan sambutan sempena Hari Keputeraan Sultan Kelantan tahun depan.

Program lain ialah sambutan Jubli Emas dan Taman Raksasa yang diadakan serentak dengan Larian Antarabangsa Jambatan Sultan Ismail Petra.

Beliau berkata, pihaknya akan mengedarkan maklumat dan borang penyertaan larian kepada orang ramai, selain menerusi laman web dan akhbar tempatan.

"Larian ini menawarkan hadiah menarik seperti wang tunai lebih RM1,000 untuk tempat pertama bagi pelbagai kategori," katanya.

Sebelum ini, MTRK merancang mengadakan larian itu pada hari perasmian Jambatan Sultan Ismail Petra oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, 15 September lalu tetapi terpaksa ditangguhkan.